

UJIBAKAT SENI MSK 2008/09

CUNGKIL RAMAI BAKAT BARU

Oleh : Sayang Nurshahrizleen Ramlan

Sempena Minggu Suai Kenal (MSK) Sidang Akademik 2008/2009, satu sesi ujibakat seni diadakan pada 30 Jun 2008 (Pengambilan Pertama) dan 21 Julai 2008 (Pengambilan Kedua) di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman, Kg. Wai, Kuala Perlis.

Sesi ujibakat itu telah dibahagikan kepada dua bilik berasingan mengikut kategori bakat dengan dikendalikan oleh dua kumpulan juri yang terdiri daripada staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni & Alumni (JHEPA) dan Unit Kebudayaan & Rekreasi (UKR). Ujibakat kedua-dua kumpulan ini dijalankan secara serentak.

Atas dorongan minat, sikap berani mencuba dan yakin diri dengan bakat terpendam masing-masing, sesi ujibakat ini berjaya mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar-pelajar baru meskipun suasana kampus dan senario MSK masih lagi asing buat mereka. Seramai 125 orang pelajar baru yang berbakat dalam seni persembahan dan berkemahiran dalam pengucapan awam berjaya dicungkil seperti nyanyian (vokal), bermain alat muzik, deklamasi puisi, sajak, tarian, lakonan, pengacaraan, debat dan pidato.

Sesi ujibakat yang menjadi satu slot wajib setiap kali tibanya MSK, bertujuan mencungkil bakat-bakat baru dan seterusnya JHEPA dengan kerjasama UKR menyediakan latihan khusus kepada pelajar baru tersebut khas untuk persembahan Majlis Malam Ramah Mesra sempena penutup MSK. Seterusnya latihan persediaan pula diadakan setiap kali terdapat jemputan penyertaan ke pertandingan-pertandingan peringkat IPT anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) atau Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM).

